

Kian pulih

>>Oleh ZATUL IFFAH ZOLKIPLY

zatuliffah@hmetro.com.my

KUALA TERENGGANU: Keadaan banjir di negeri ini beransur pulih apabila hanya 15,529 mangsa membabitkan 3,633 keluarga berbanding 18,578 mangsa daripada 4,353 keluarga kelmarin berikutan keadaan cuaca baik di beberapa daerah di negeri ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Terengganu berkata, sehingga jam 5 petang semalam, semua mangsa kini ditempatkan 31 pusat pemindahan di empat daerah iaitu Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman dan Kuala Terengganu berbanding 63 pusat pemindahan kelmarin.

Katanya, walaupun menunjukkan penurunan, Kemaman masih mencatat jumlah mangsa tertinggi iaitu 11,161 mangsa membabitkan 2,582 keluarga yang ditempatkan di 10 pusat pemindahan berbanding 12,150 mangsa (2,813 keluarga) kelmarin.

“Di Dungun, jumlah mangsa banjir turut turun kepada 3,340 mangsa (811 keluarga) berbanding 5,319 mangsa (1,283 keluarga, sementara jumlah mangsa di Kuala Terengganu tidak menunjukkan perubahan apabila kekal dengan 1,002 mangsa membabitkan 233 keluarga yang ditempatkan di enam pusat pemindahan.

“Jumlah mangsa banjir di Hulu Terengganu turut turun



CUCI... penduduk membersihkan kelengkapan rumah.

mendadak kepada 23 mangsa berbanding 83 mangsa kelmarin yang ditempatkan di dua pusat pemindahan, manakala pusat pemindahan di Marang ditutup sepenuhnya apabila semua mangsa dibenarkan pulang pagi tadi (semalam).

“Berdasarkan keadaan cuaca yang semakin baik sejak dua hari ini, mangsa mungkin dibenarkan pulang ke rumah jika air di rumah mereka benar-benar surut dan selamat didiami,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Dalam pada itu, laluan Jalan Chukai-Air Putih (Sungai Pinang), Kemaman iaitu 12 kilometer dari bandar Chukai menghala ke Pasir Gajah, Kemaman ditutup pada semua kenderaan berikutan jalan dinaiki air.

Sementara itu, laman web Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora (kategori ketiga) iaitu angin kencang Timur Laut dengan kelajuan daripada 60 kilometer sejam dan ombak mencapai ketinggian melebihi 5.5 meter.